

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : "DI MAJLIS PELANCARAN 'THE STATE OF THE WORLD'S CHILDREN REPORT 1994'"  
Lokasi : HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 19-01-1994

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada jawatankuasa penganjur kerana menjemput saya buat kali keduanya bagi melancarkan 'The State of the World's Children Report 1994'.

2. Sebagaimana kita sedia maklum, Laporan 1994 ini akan membawa harapan baru kepada kanak-kanak di seluruh dunia. Pada tahun 1992, lebih daripada 150 buah negara telah menandatangani Persetujuan Terhadap Hak Kanak-Kanak daripada segi kesihatan, pemakanan serta pendidikan asas yang sempurna. Buat pertama kali dalam sejarah, masyarakat telah menetapkan keutamaan terhadap kesejahteraan generasi akan datang. Usaha-usaha oleh UNICEF ini telah mula menunjukkan keberkesanannya. Sebagai kesan daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh UNICEF pada dekad lalu, khususnya dalam mengutamakan vaksinasi, sebanyak 80 peratus daripada kes-kes polio berjaya dihindarkan dan tiga juta kanak-kanak dari seluruh dunia dijangka bebas daripada penyakit tersebut setiap bulan. Usaha yang cemerlang oleh UNICEF terutamanya oleh Encik James P. Grant membuktikan bahawa dengan kesedaran dan usaha yang berterusan oleh pihak Kerajaan serta penduduk-penduduk dunia boleh mengurangkan ataupun sekurang-kurangnya menghapuskan masalah buta huruf, kekurangan zat makanan serta pelbagai penyakit. Di samping itu juga kadar kematian kanak-kanak akibat penyakit-penyakit ini telah dapat dikurangkan daripada jumlah sekarang iaitu seramai 250,000 orang kanak-kanak dalam tempoh seminggu.

3. Di Malaysia usaha-usaha ini memberi kesan positif sepanjang abad ini. Negara ini merupakan antara 10 buah negara terbaik di dunia yang berjaya memberi kemudahan-kemudahan asas kepada kanak-kanak, khususnya bekalan air yang terjamin selamat, perawatan asas kesihatan serta pendidikan. Kerajaan Malaysia serta masyarakatnya percaya bahawa usaha ini telah menjangkau lebih daripada tanggungjawab moral kepada kanak-kanak di negara ini. Ini adalah langkah yang sewajarnya bagi mewujudkan satu landasan yang kukuh demi menentukan masa depan generasi kita.

Ternyata bahawa dengan wujudnya kemudahan-kemudahan asas maka kepentingan pertumbuhan kanak-kanak yang sihat dan berpelajaran terpelihara, serta membolehkan kita melahirkan masyarakat yang penyayang dalam konteks negara perindustrian yang moden. Pelaburan yang dicurahkan kepada sesama insan merupakan pelaburan yang terbaik bagi semua anggota masyarakat yang boleh disumbangkan oleh sesebuah negara.

4. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan 'The State of World's Children Report 1994'.

Terima kasih.

\*\*\*\*\*